



**[AL-ASH'ARI'S ARGUMENTATIVE METHOD OPPOSING DEVIANT SECTS]
METODE PENGHUJAHAN AL-ASH'ARI MENDEPANI ALIRAN MENYELEWENG**

Muhammad Rashidi Wahab^{1*}
Mohd Fauzi Hamat²

¹ Pusat Pengajian Usuluddin, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

² Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding author: muhdrashidi@unisza.edu.my/muhdrashidi85@gmail.com

Received Date: 22 January 2019 • Accepted Date: 11 April 2019

Abstract

This paper intends to examine the emergence of al-Ash'ari as the prominent Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. This figure has given a new dimension in the discourse of theology. He succeeded in making a valuable contribution to defend the faith of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah from the attacks of diverse streams and deviations. Yet some Muslims have found no exact picture of al-Ash'ari's thought framework resulting some misunderstandings. Through content analysis, this paper examines the argumentative method used by al-Ash'ari in interacting with the deviant sects and misunderstandings during the years, especially Mu'tazilah. The result of the study founded that al-Ash'ari uses the methodology of the examination based on the prophecy of naql from al-Qur'an and hadith and the 'aql. In the 'aql, al-Ash'ari uses a logic argument, especially al-qiyas, systematically either from the aspect of al-surah or al-maddah. This method managed to preserve the Islamic faith from the attacks of various sects and deviations that contradict Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. The strength of this method is believe to be the key to Asha'irah's success in spreading the Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah's theology to the world today.

Keywords: al-Ash'ari, argumentative method, the deviant sects, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah

Abstrak

Kemunculan al-Ash'ari sebagai tokoh Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang terkemuka telah memberikan satu dimensi baru dalam wacana pengajian akidah. Beliau berjaya memberikan sumbangan berharga dalam mempertahankan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah daripada serangan pelbagai aliran dan fahaman yang menyeleweng. Namun sebilangan umat Islam didapati tidak mendapat gambaran yang tepat mengenai kerangka pemikiran al-Ash'ari menyebabkan berlakunya beberapa salah faham terhadapnya. Menerusi analisis kandungan dokumen, makalah

ini akan meneliti metode penghujahan yang digunakan oleh al-Ash'ari dalam berinteraksi dengan aliran dan fahaman menyeleweng pada zamannya, khususnya Mu'tazilah. Hasil penelitian mendapati bahawa al-Ash'ari menggunakan metodologi pendalilan berasaskan dalil naqli daripada al-Qur'an dan hadis serta dalil *'aql*. Dalam dalil *'aql*, al-Ash'ari menggunakan penghujahan mantik, khususnya *al-qiyas*, secara sistematik sama ada dari aspek *al-surah* atau *al-maddah*. Metode ini berjaya memelihara akidah Islam daripada serangan pelbagai aliran dan fahaman menyeleweng yang bertentangan dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Kekuatan metode ini juga menjadi kunci kejayaan Ash'ari dalam menyebarkan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ke seluruh dunia sehingga hari ini.

Kata kunci: al-Ash'ari, metode penghujahan, aliran menyeleweng, Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah

Cite as: Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Fauzi Hamat. 2019. Metode penghujahan al-Ash'ari mendepani aliran menyeleweng. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 20(2): 99-115.

PENDAHULUAN

Kemunculan Asha'irah dalam mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang dipimpin oleh Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari (selepas ini disebut sebagai al-Ash'ari) bermula pada kurun ketiga Hijrah, ketika Mu'tazilah berkuasa dan beberapa aliran lain seperti Hashawiyah (Ghulat al-Hanabilah) turut berleluasa. Nama penuh al-Ash'ari ialah 'Ali ibn Isma'il ibn Ishaq ibn Salim ibn Isma'il ibn 'Abd Allah ibn Musa ibn Bilal ibn Abu Burdah ibn Abu Musa al-Ash'ari (Ibn 'Asakir 1347H: 34). Beliau dilahirkan pada tahun 260 Hijrah (873 Masihi) di Basrah dan meninggal dunia pada tahun 330 Hijrah (941 Masihi) di Baghdad. Pendapat lain menyatakan al-Ash'ari meninggal dunia pada tahun 320 Hijrah atau 324 Hijrah (Ibn 'Asakir 1347H: 146-147; Abu Zahrah 1996: 163; al-Asnawi 1987: 1/47). Gelaran nama al-Ash'ari pula merupakan nisbah daripada keturunan salah seorang sahabat Rasulullah SAW iaitu Abu Musa al-Ash'ari RA (m.44H). Ketika kecil, al-Ash'ari mempelajari ilmu agama daripada bapanya sendiri serta beberapa tokoh ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah seperti Zakariyya ibn Yahya al-Saji. Namun pada usianya 10 tahun, bapa al-Ash'ari telah meninggal dunia dan ibunya berkahwin semula dengan seorang tokoh Mu'tazilah, iaitu al-Jubba'i. Semenjak itu, al-Jubba'i telah menjadi bapa tiri al-Ash'ari, sekali gus sebagai guru kepada al-Ash'ari. Al-Jubba'i bertanggungjawab mengajar dan mempengaruhi pemikiran al-Ash'ari sehingga beliau berpegang dengan aliran Mu'tazilah pada peringkat awalnya (Ibn 'Asakir 1347H: 35; al-Fayyumi 2003: 56-57; 113).

Walau bagaimanapun, al-Ash'ari bertindak meninggalkan Mu'tazilah setelah mencapai usia sekitar 40 tahun (Ibn 'Asakir 1347H: 39). Menurut Ahmad Mahmud Subhi (1985, 2: 46-47), peristiwa terpenting yang menyebabkan al-Ash'ari bertindak keluar daripada Mu'tazilah adalah kerana berlaku perselisihan pendapat dengan gurunya al-Jubba'i mengenai perbuatan Allah SWT berdasarkan konsep *al-salah wa al-aslah* atau *wujub al-aslah*. Dalam perdebatan tersebut, al-Jubba'i tidak mampu mempertahankan akidah Mu'tazilah daripada pertanyaan al-Ash'ari sehingga menimbulkan perasaan ragu-ragu dalam hati al-Ash'ari mengenai kebenaran fahaman Mu'tazilah. Namun menurut Ibn 'Asakir (1347H: 38-40) pula, terdapat dua faktor atau sebab lain yang turut mendorong al-Ash'ari bertindak keluar daripada Mu'tazilah, iaitu;

1. Keraguan al-Ash'ari terhadap pegangan Mu'tazilah yang terlalu melebihi dan mendahului akal berbanding al-Qur'an dan hadis. Hasil daripada keraguan dan kekeliruan pemikiran ini yang menyebabkan berlakunya perdebatan al-Ash'ari dengan gurunya al-Jubba'i.
2. Pada bulan Ramadan, al-Ash'ari telah bermimpi bertemu dengan Rasulullah SAW. Dalam mimpi tersebut, Rasulullah SAW meminta al-Ash'ari membela al-Qur'an dan hadis daripada dipertikaikan oleh aliran bidaah terutamanya Mu'tazilah.

Setelah meninggalkan Mu'tazilah, al-Ash'ari terus mempergiatkan aktiviti penyampaian dakwah akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dengan mengajar di masjid-masjid dan menghadiri majlis-majlis perdebatan Mu'tazilah, sehingga ada yang bertanya tujuannya masih menghadiri dan bergaul dengan Mu'tazilah. al-Ash'ari menjawab bahawa kebanyakan tokoh Mu'tazilah memegang jawatan tinggi dalam kerajaan, maka adalah mustahil untuk mereka datang kepadanya untuk berbincang. Menurut al-Ash'ari lagi, jika beliau tidak pergi kepada mereka, ini bermakna mereka tidak mengetahui kebenaran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (Ibn 'Asakir 1347H: 68-69). Disebabkan itu, al-Ash'ari menghadiri majlis Mu'tazilah walaupun beliau tidak lagi berpegang dengan fahaman Mu'tazilah. Sebagai tokoh besar dalam mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, al-Ash'ari telah meninggalkan hasil penulisan yang banyak iaitu sekitar 300 buah karya sepanjang beliau bersama dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (Ibn 'Asakir 1347H: 136; al-Zirikli 2002, 4: 263). Namun malangnya, hanya lima buah karya sahaja masyhur sampai kepada umat Islam hari ini iaitu *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*, *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*, *Risalat ila Ahl al-Thaghr*, *Risalah fi al-Istihsan al-Khawd fi 'Ilm al-Kalam* dan *al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida'*. al-Ash'ari juga meninggalkan pengikutnya yang ramai bagi meneruskan usaha dan legasi keilmuan beliau dalam menyebarkan aliran Asha'irah ke seluruh dunia.

Usaha berterusan dan bersungguh-sungguh al-Ash'ari menyebabkan pengaruh Mu'tazilah dan lain-lain aliran bidaah menjadi semakin lemah dan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah kembali menguasai pemikiran umat Islam. Berdasarkan ketokohan dan sumbangan besar al-Ash'ari dalam mempertahankan akidah Islam, al-Ash'ari telah diangkat sebagai salah seorang mujaddid pada kurun ketiga Hijrah (al-Suyuti 1410H: 29-30). al-Ash'ari juga diiktiraf sebagai tokoh dalam bidang hadis (Ibn 'Asakir 1347H: 113). Disebabkan itu, al-Ash'ari telah diberikan dengan pelbagai gelaran sanjungan seperti Imam Ahl al-Sunnah, Imam al-Mutakallimin, Penolong Sunnah, Penegak Agama dan sebagainya lagi (al-Subki 1964, 3: 336). Pengiktirafan daripada para ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ini jelas membuktikan bahawa al-Ash'ari mendapat kedudukan yang tinggi dan istimewa dalam kalangan umat Islam, sekali gus dianggap sebagai pemimpin utama dalam mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Hal ini menyebabkan ramai ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dari pelbagai bidang, yang tidak terhitung jumlahnya, berpegang dengan aliran Asha'irah. Hasil kesungguhan para ulama ini menyebabkan aliran Asha'irah terus berkembang pesat di seluruh dunia sehingga ke hari ini (al-Hasani t.th.: 54-56). Sumbangan mereka dalam mempertahankan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah merupakan bukti kepercayaan mereka terhadap pendekatan atau metodologi akidah yang dikemukakan oleh al-Ash'ari.

KEDUDUKAN ALIRAN ASHA'IRAH SEBAGAI AHL AL-SUNNAH WA AL-JAMA'AH

Dimaksudkan dengan aliran menyeleweng dalam tajuk makalah ini adalah merujuk kepada kumpulan, fahaman atau ideologi yang bertentangan dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Dalam hal ini, definisi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dapat dibahagikan kepada dua bentuk iaitu definisi umum dan definisi khusus. Definisi umum Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah ialah kumpulan majoriti umat Islam yang mengikuti jejak langkah dilalui Rasulullah SAW, serta para sahabat, dalam memahami dan mempraktikkan Islam merangkumi aspek akidah, fikah dan akhlak (Jum'ah, 2009: 16; al-Mahdali t.th.:

7). Maka sebarang individu atau aliran yang terkeluar daripada kumpulan majoriti umat Islam seperti Shi'ah dan Mu'tazilah, serta tidak mengikuti jejak langkah Rasulullah SAW sebagai panduan dan ikutan melalui petunjuk al-Qur'an dan sunnah berdasarkan tafsiran jumhur ulama, adalah terkeluar daripada definisi umum ini, walaupun mereka mendakwa bahawa mereka juga adalah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (Jalal 1982: 15). Manakala definisi khusus Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah pula adalah merujuk kepada aliran atau al-Jama'ah manakah yang termasuk dalam golongan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Perkara ini bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW,

أَلَا إِنَّ مِنْ قَبْلِكُمْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ افْتَرَقُوا عَلَى اثْنَتَيْنِ وَسَبْعِينَ مِلَّةً، وَإِنَّ هَذِهِ الْأُمَّةَ سَتَفْتَرِقُ ثَلَاثَ وَسَبْعِينَ، اثْنَتَانِ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ، وَوَاحِدَةٌ فِي الْجَنَّةِ، وَهِيَ الْجَمَاعَةُ.

Maksudnya:

Sesungguhnya telah berpecah Ahli Kitab sebelum kamu kepada 72 golongan. Umat ini (umat Islam) akan berpecah kepada 73 golongan. 72 golongan dimasukkan ke neraka dan satu golongan sahaja dimasukkan ke syurga iaitu al-Jama'ah (Abu Dawud 1998, 5: 182, no. 4587).

Merujuk kepada hadis di atas, al-Baghdadi (t.th.: 27-28) menyatakan bahawa golongan ke-73 itu ialah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang terdiri daripada lapan golongan antaranya ahl al-ra'yi, ahl al-hadith yang bukan mempermain-mainkan hadis, ulama fikah, penghafal al-Quran, periwayat hadis dan ahl al-kalam daripada kalangan ahl al-hadith. Termasuk juga dalam golongan ini ialah pengikut-pengikut Abu Hanifah (m.150H), Malik (m.179H), al-Shafi'i, (m.204H) al-Awza'i (m.157H), al-Thawri (m.187H) dan ahl al-zahir. Menurut Ibn al-Athir (1963, 2: 419), al-jama'ah dimaksudkan adalah kelompok manusia terbesar (majoriti) yang terdiri daripada umat Islam yang bersepakat untuk mengikut jalan lurus dan mentaati pemerintah mereka. Termasuk dalam istilah al-jama'ah juga ialah kumpulan besar umat Islam yang bersepakat untuk mengikut jalan para sahabat, tabi'in dan tabi' tabi'in yang diambil daripada sunnah Rasulullah SAW (Abdul Shukor 1998: 16). Manakala al-Shatibi (t.th., 3: 300-312) telah mengumpulkan pelbagai pandangan dan huraian tentang maksud al-jama'ah sepertimana berikut,

1. Mereka adalah majoriti umat Islam (*al-sawad al-a'zam*).
2. Mereka adalah sekumpulan ulama mujtahid.
3. Mereka adalah para sahabat.
4. Mereka adalah *jama'ah* (golongan) umat Islam.
5. Mereka adalah umat Islam yang berada di bawah pemerintah Islam.

Justeru, perkataan al-Jama'ah dapat disimpulkan sebagai kumpulan terbesar umat Islam yang bersepakat mengikut jalan kebenaran daripada ajaran Rasulullah SAW merangkumi al-Qur'an dan hadis. Pengertian al-Jama'ah ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW,

إِنَّ اللَّهَ لَا يَجْمَعُ أُمَّتِي عَلَى ضَلَالَةٍ، وَيَبْدُ اللَّهُ مَعَ الْجَمَاعَةِ، وَمَنْ شَدَّ شَدًّا إِلَى النَّارِ.

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah tidak akan mempersepakatkan umatku di atas kesesatan. *Yad* (tangan) Allah bersama al-Jama'ah dan sesiapa yang menyendiri, dia akan menyendiri di dalam neraka (al-Tirmidhi 1998, 4: 40, no. 2167).

Dalam hal ini, kajian The Royal Islamic Strategic Studies Centre (2010: 17) menunjukkan bahawa Asha'irah dan Maturidiyyah merupakan aliran majoriti umat Islam dengan 90 peratus daripada keseluruhan umat Islam di dunia adalah pengikut aliran Ahl al-Kalam ini. Hasil kajian ini turut dipersetujui oleh al-Qaradawi (t.th.) iaitu ketika mana beliau mempertahankan Universiti al-Azhar yang berpegang dengan akidah Asha'irah daripada tohmahan sesetengah pihak yang tidak menyenangi aliran arus perdana tersebut, beliau menyatakan bahawa Asha'irah merupakan pegangan majoriti umat Islam di seluruh dunia semenjak dahulu sehingga kini. Jika kajian dan kenyataan ini dijadikan ukuran, maka benarlah kenyataan al-Zabidi (1989, 2: 8) yang menetapkan bahawa apabila istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah digunakan secara mutlak, ia merujuk kepada aliran Asha'irah dan Maturidiyyah sahaja. Malah al-Shak'ah (2006: 489) berpendirian bahawa Asha'irah adalah aliran yang pertama sekali yang dinamakan sebagai Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah secara rasmi dalam sejarah Islam.

Manakala 'Izz al-Din 'Abd al-Salam dan al-Subki (1964, 3: 366) pula menyatakan bahawa para pengikut Malik (mazhab Maliki), al-Shafi'i (mazhab Shafie), Ahmad ibn Hanbal (mazhab Hanbali) dan sebahagiannya pengikut Abu Hanifah (mazhab Hanafi) adalah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah yang berpegang dengan aliran Asha'irah. Sedangkan al-Saffarini (2008, 1: 67) dan Ahmad Mahmud Subhi (1985, 2: 32) membahagikan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah kepada tiga golongan iaitu Athariyyah yang diketuai oleh Ahmad ibn Hanbal, Asha'irah yang diketuai oleh al-Ash'ari dan Maturidiyyah diketuai oleh al-Maturidi. al-Zabidi (1989, 2: 9) pula membahagikan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah kepada tiga golongan iaitu ahl al-hadith, ahl al-nazar al-'aqli (Asha'irah dan Maturidiyyah) dan ahl al-wujudan wa al-kashf. Semua penjelasan di atas membuktikan bahawa Asha'irah adalah golongan majoriti dalam kalangan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Berdasarkan perbincangan di atas juga, definisi khusus bagi Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah adalah merujuk kepada mereka yang berpegang dengan aliran Asha'irah dan Maturidiyyah dalam aspek akidah. Definisi ini selari dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagai sebuah istilah teknikal yang digunakan dalam Ilmu Kalam yang dikaitkan dengan aliran Asha'irah dan Maturidiyyah secara khusus (Jalal 1982: 15; al-Mahdali t.th.: 9).

Disebabkan itu, istilah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dan Asha'irah sering digunakan secara bertukar-ganti dengan maksud atau tujuan yang sama. Malah penggunaan nama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah juga lebih sinonim digunakan dalam aspek akidah, walaupun istilah ini telah diluaskan penggunaannya dalam aspek *fiqh* dan tasawuf. Maka mengeluarkan Asha'irah dari Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, sebagaimana dakwaan sesetengah pihak, merupakan suatu perbuatan yang melampau dan tidak bersandarkan hujah yang kukuh. Selain daripada aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebagai golongan ke-73, sebagaimana yang disebutkan oleh al-Baghdadi, 72 golongan lagi adalah ahli bidaah yang tidak termasuk dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Secara umumnya 72 golongan dimaksudkan oleh A'lawiy (1978: 297) ialah; Mu'tazilah berpecah menjadi 20 kumpulan, Shi'ah berpecah menjadi 22 kumpulan, Khawarij berpecah menjadi 20 kumpulan, Murji'ah berpecah menjadi lima kumpulan, Najjariyyah berpecah menjadi tiga kumpulan, Jabariyyah hanya satu kumpulan dan Mushabbihah atau Mujassimah hanya satu kumpulan. Walau bagaimanapun, perbincangan tentang pecahan aliran-aliran ini terdedah kepada wacana yang lebih luas memandangkan di sepanjang masa sering ada aliran-aliran baru yang menyeleweng dari landasan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah.

PELBAGAI ALIRAN DAN FAHAMAN DALAM ISLAM MENURUT AL-ASH'ARI

Karya al-Ash'ari bertajuk *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin* merupakan sebuah tulisan yang menjelaskan pelbagai aliran dan fahaman yang bertentangan dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Berdasarkan cetakan yang diterbitkan oleh Maktabah al-'Asriyyah dan disunting (tahqiq) oleh Muhammad Muhy al-Din 'Abd al-Hamid, karya ini dibahagikan kepada dua jilid. Pada jilid pertama, al-Ash'ari memaparkan pegangan serta tokoh setiap aliran menyeleweng. Jilid kedua pula menjelaskan persoalan akidah yang menjadi perselisihan dalam kalangan umat Islam. Dalam pengenalan karya ini, al-Ash'ari (1990, 1: 34-64) menyatakan bahawa selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW, umat Islam berselisih pendapat dalam pelbagai perkara, dengan masing-masing saling salah-menyalahkan dan sesat-menyesatkan antara satu sama lain sehingga umat Islam berpecah kepada beberapa kumpulan dan aliran tertentu. Perselisihan awal yang berlaku adalah berkaitan isu kepimpinan (imamah) dalam memilih siapakah yang lebih layak menjadi khalifah selepas kewafatan Rasulullah SAW. Perkara ini selesai setelah Abu Bakar RA diangkat sebagai khalifah pertama dan kemudian diikuti oleh 'Umar RA sebagai khalifah kedua.

Namun menurut al-Ash'ari (1990, 1: 49-64), perselisihan yang lebih besar sebenarnya bermula pada penghujung pemerintahan 'Uthman RA sebagai khalifah ketiga. Pembunuhan 'Uthman RA oleh musuhnya merupakan titik tolak kepada fitnah besar tersebut. 'Ali RA yang menjadi khalifah keempat selepas itu turut difitnah, apabila beliau dituduh telah bersekongkol untuk menjatuhkan 'Uthman RA. Keadaan yang bercelaru ini menyebabkan berlaku beberapa siri penentangan terhadap 'Ali RA, dan yang paling menonjol adalah peperangan Siffin dengan tentera Mu'awiyah RA pada tahun 37 Hijrah. Namun Peristiwa Tahkim atau genjatan senjata yang dipersetujui oleh 'Ali RA dengan Mu'awiyah RA menyebabkan pengikut beliau berpecah kepada dua kumpulan. Satu kumpulan bersetuju dengan tindakan 'Ali RA tersebut dan satu kumpulan lagi tidak bersetuju. Kumpulan yang bersetuju terus bersama 'Ali RA dan kumpulan yang tidak bersetuju bertindak meninggalkan 'Ali RA. Manakala satu kumpulan lain mengambil sikap mendiamkan diri dan tidak menyebelahi 'Ali RA atau Mu'awiyah RA. Melalui sejarah yang panjang, kumpulan ini yang asalnya berselisih pendapat tentang isu kepimpinan, kemudiannya berkembang menjadi beberapa aliran akidah meliputi Khawarij, Murji'ah dan Shi'ah.

Menurut al-Ash'ari (1990, 1: 65), pada ketika itu umat Islam berpecah kepada 10 kumpulan atau aliran besar iaitu,

1. Khawarij.
2. Murji'ah.
3. Shi'ah.
4. Mu'tazilah dan Jahmiyyah.
5. Dirariyyah.
6. Husainiyyah.
7. Bakriyyah.
8. 'Ammah (masyarakat umum).
9. Ahl al-hadith.
10. Kullabiyyah.

Setiap kumpulan ini kemudian berpecah pula kepada kumpulan-kumpulan kecil yang lain. Walau bagaimanapun, penulis hanya akan menyentuh beberapa aliran secara ringkas sahaja. Justeru, Shi'ah adalah golongan yang berlebihan dalam mengikut 'Ali RA dengan mengetepikan para sahabat yang lain. Aliran Shi'ah terbahagi kepada tiga kumpulan iaitu Shi'ah Ghaliyyah, Shi'ah Rafidah

(Imamiyyah) dan Shi'ah Zaydiyyah. Shi'ah Ghaliyyah adalah golongan Shi'ah paling ekstrem, di mana mereka begitu keterlaluan dalam memuliakan 'Ali RA sebagai makhluk tertinggi dan teragung. Mereka berpecah kepada 15 kelompok (al-Ash'ari 1990, 1: 66-88). Shi'ah Rafidah (Imamiyyah) pula menolak kepemimpinan Abu Bakar RA, 'Umar RA dan 'Uthman RA. Mereka beranggapan bahawa Nabi Muhammad SAW telah menetapkan 'Ali RA sebagai khalifah. Antara doktrin Shi'ah (Imamiyyah) lain yang disebutkan oleh al-Ash'ari (1990, 1: 106) ialah menjisimkan Allah SWT yang diketengahkan oleh pengikut Hishamiyyah pimpinan Hisham ibn al-Hakam.

Kelompok ini beranggapan bahawa Tuhan itu berjisim tetapi dengan jisim yang selayaknya bagi Allah SWT. Maka Tuhan dikatakan memiliki ukuran tertentu, menetap pada tempat tertentu, kadang-kadang bergerak dan kadang-kadang diam, bercahaya dan sebagainya lagi. Mereka juga berpendapat bahawa Allah SWT bertempat di atas Arash. Shi'ah Rafidah (Imamiyyah) ini berpecah kepada 24 kelompok (al-Ash'ari 1990, 1: 88-105). Shi'ah Zaydiyyah pula sekalipun mengakui Abu Bakar RA, 'Umar RA dan Uthman RA sebagai khalifah serta tidak sekeras Shi'ah Ghaliyyah dan Shi'ah Rafidah (Imamiyyah), tetapi mereka tetap lebih memuliakan 'Ali RA. Shi'ah Zaydiyyah berpecah kepada enam kelompok (al-Ash'ari 1990, 1: 136-145). Selain itu, aliran Khawarij bersepakat untuk mengkafirkan 'Ali RA kerana beliau bersetuju dengan Tahkim. Mereka juga beranggapan orang yang melakukan dosa besar termasuk dalam kalangan orang kafir (al-Ash'ari 1990, 1: 167-168). Aliran Khawarij ini terbahagi kepada 15 kumpulan, dan setiap kumpulan berpecah kepada beberapa kumpulan kecil (al-Ash'ari 1990, 1: 174-203). Murji'ah pula lahir daripada sikap berkecuali daripada Shi'ah dan Khawarij. Namun dalam isu akidah, antara pegangan mereka ialah iman cukup sekadar dengan hati sahaja tanpa perlu kepada pengakuan dan perbuatan. Maka segala dosa dan maksiat akan ditentukan oleh Allah SWT di akhirat. Murji'ah juga terbahagi kepada beberapa kumpulan (al-Ash'ari 1990, 1: 213-234).

Mu'tazilah mempunyai pegangan untuk mensucikan Allah SWT dari sifat kekurangan, namun mereka tersilap dalam memahami dan menafsirkan perkara tersebut. Contohnya dalam isu menafikan tempat bagi Allah SWT, mereka berkata bahawa Allah SWT berada di setiap tempat atau bertempat dalam diri-Nya sendiri. Mu'tazilah juga menyatakan bahawa Allah SWT itu berilmu dan berkuasa dengan zat-Nya, bukan dengan sifat *'Ilm* dan *Qudrat*. Pendirian ini terkandung dalam salah satu daripada lima prinsip utama Mu'tazilah (*al-Usul al-Khamsah*). Sebagaimana aliran Murji'ah, Mu'tazilah turut terpecah kepada beberapa kumpulan, namun al-Ash'ari tidak menyenaraikan setiap kumpulan secara jelas seperti Shi'ah dan Khawarij. al-Ash'ari sekadar menyebutkan beberapa nama kumpulan atau tokoh tertentu ketika membincangkan prinsip-prinsip utama mereka (al-Ash'ari 1990, 1: 235-249). Manakala ahl al-hadith pula adalah golongan yang dinyatakan oleh al-Ash'ari (1990, 1: 345-351) sebagai ahl al-sunnah. Mereka membenarkan setiap apa yang terdapat dalam al-Qur'an dan hadis termasuklah dalam perkara nas-nas sifat mutashabihat. Selain daripada aliran-aliran ini, al-Ash'ari tidak menjelaskan secara panjang lebar. Hal ini mungkin disebabkan oleh aliran seperti Dirariyyah, Husayniyyah dan Bakriyyah ini tidak mempunyai pengaruh serta pengikut yang ramai seperti aliran Shi'ah, Khawarij dan Mu'tazilah.

PENGHUJAHAN AL-ASH'ARI TERHADAP ALIRAN MENYELEWENG

al-Ash'ari didapati banyak mengkritik aliran dan fahaman yang bertentangan dengan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah, khususnya Mu'tazilah, dalam dua karyanya yang terkenal iaitu *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah* dan *al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida'*. Oleh itu, topik ini akan memfokuskan kepada dua karya ini bagi melihat metode al-Ash'ari dalam berinteraksi dengan ideologi bertentangan tersebut. Dalam *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*, al-Ash'ari (1977: 20) menyatakan bahawa pegangan beliau dalam akidah adalah berpandukan al-Quran dan hadis, serta menjadikan para sahabat, tabiin dan ulama hadis sebagai ikutan. al-Ash'ari juga menyebutkan bahawa beliau turut mengikut jalan Ahmad

ibn Hanbal yang dianggap sebagai pemimpin dan ahli ilmu yang sempurna. Justeru, beliau telah mengkritik Mu'tazilah dan Jahmiyyah yang mentakwilkan nas-nas sifat mutashabihat dengan maksud untuk menafikan sifat khabariyyah bagi Allah SWT. Dalam hal ini, berkaitan lafaz *istiwa'* contohnya, al-Ash'ari (1977: 105) membawakan beberapa dalil al-Quran, seperti Surah Taha ayat 5, bagi menunjukkan bahawa Allah SWT beristiwa' di Arash. Namun pada tempat yang lain, al-Ash'ari didapati turut menggunakan hujah 'aq' dalam berinteraksi dengan lafaz *istiwa'*.

Justeru, dalam memperincikan tafsiran *istiwa'* dari sudut penafian terhadap segala sifat kekurangan dan kelemahan makhluk-Nya, al-Ash'ari didapati menggunakan kaedah takwil tafsili sebagaimana berikut,

استواء منزلها عن المماساة، والاستقرار، والتمكن، والحلول، والانتقال. لا يحمله العرش بل العرش
وحملته محمولون بلطف قدرته، ومقهورون في قبضته

Maksudnya:

Istiwa' itu Maha Suci (Allah SWT) daripada bersentuh, menetap, mengambil tempat, menjelma dan berpindah. Dia tidak menanggung Arash, bahkan Arash dan penanggungnya (para malaikat) ditanggung oleh Quadrat-Nya, kesemuanya itu dikuasai dalam genggamannya (al-Ash'ari 1977: 21).

إن الله عز وجل يستوي على عرشه استواء يليق به من غير طول استقرار

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah '*azza wa jalla* beristiwa' di atas Arash, (iaitu) *istiwa'* yang selayaknya bagi-Nya, (yang maka) bukan (bermaksud) menetap berterusan (dalam suatu tempoh masa tertentu) (al-Ash'ari 1977: 105).

Kedua-dua kenyataan ini jelas menunjukkan bahawa al-Ash'ari telah melakukan takwilan terhadap lafaz *istiwa'* apabila menghuraikan pengertian *istiwa'* bukan dengan maksud yang tidak selayaknya bagi Allah SWT. Ini bererti, al-Ash'ari bukan sahaja menolak pegangan Mu'tazilah yang menafikan *istiwa'* bagi Allah SWT, malah dalam masa yang sama beliau turut menolak pegangan Mushabbihah atau Mujassimah yang menyerupakan atau menjisimkan Allah SWT dengan makhluk-Nya. Kenyataan ini juga membuktikan bahawa al-Ash'ari bukan sahaja menggunakan kaedah *tafwid*, sebaliknya dari sudut penafian beliau turut menggunakan kaedah *takwil tafsili* ketika berinteraksi dengan lafaz *istiwa'*. Perkara ini tidak mengejutkan kerana beberapa ulama Salaf seperti Ibn Mubarak (m.237H) dan al-Tabari (m.310H) didapati turut mentakwilkan lafaz *istiwa'* sebagai memiliki dan menguasai, bukan bergerak dan berpindah (Muhammad Rashidi & Syed Hadzrullathfi 2012: 77-85). Malah dalam satu riwayat dinyatakan bahawa al-Ash'ari mentakwilkan lafaz yad sebagai berkuasa (al-Razi 1981, 12: 46; Abu Zahrah 1996: 170). Walau bagaimanapun, terdapat sebilangan umat Islam yang memahami lafaz *istiwa'* dengan pengertian yang salah, iaitu dengan menyatakan bahawa Allah SWT bertempat secara hakiki di atas Arash (Muhammad Rashidi & Syed Hadzrullathfi 2014: 33-70).

Selain itu, al-Ash'ari (1977: 120-121) juga mengisbatkan *wajh*, '*ayn*, *basar* dan *yad* bagi Allah SWT dengan menggunakan dalil al-Qur'an dan hadis. Beliau turut menolak pentakwilan Mu'tazilah

terhadap lafaz *yad* sebagai nikmat (al-Ash'ari 1977: 127). Bagi al-Ash'ari (1977: 138-139), nas al-Quran harus dilihat atau ditafsirkan menurut pengertian zahirnya terlebih dahulu, kecuali terdapat alasan yang kuat bagi mengharuskan tafsiran majazi tersebut. Kenyataan ini bermaksud, al-Ash'ari tidak menolak takwil secara mutlak terhadap nas-nas sifat mutashabihat, sebaliknya beliau masih meraikan hujah '*aql*' sekiranya terdapat keperluan dan alasan yang kuat untuk melakukan takwil secara tafsili, sebagaimana yang dilakukan oleh al-Ash'ari terhadap lafaz *istiwa'* di atas. Hal ini menunjukkan bahawa sekalipun al-Ash'ari menolak Mu'tazilah, tetapi beliau tidak terpengaruh dengan fahaman Mushabbihah atau Mujassimah dan Hashawiyyah yang berpegang dengan zahir nas semata-mata. al-Ash'ari (1977: 141-143) juga mengisbatkan sifat '*ilm*, *qudrat* dan *kalam* bagi Allah SWT dengan dalil al-Qur'an dan hadis. al-Ash'ari menolak pendirian golongan Mu'tazilah dan Jahmiyyah yang menafikan Allah SWT memiliki sifat '*ilm*, *qudrat*, *hayat*, *sama*' dan *basar*.

Walau bagaimanapun, apa yang menarik, al-Ash'ari didapati turut menggunakan hujah mantik dalam *al-Ibanah 'an Usul al-Diyana* ketika mengisbatkan sifat '*ilm* dan *qudrat* bagi Allah SWT sebagaimana berikut:

أن الله متكلم، قائل، آمر، ناه لا قول له، ولا كلام، ولا أمر له، ولا نهي. أليس هو مناقض خارج
عن جملة المسلمين؟ فلا بد من نعم

Maksudnya:

Bahawa Allah berkata-kata, memiliki perintah dan larangan, namun (pada masa yang sama) Dia tidak memiliki kata-kata, tidak juga memiliki perintah dan larangan. Bukankah ia bercanggah (tidak diterima) dan terkeluar dari kesepakatan kaum Muslimin? Maka mesti (menyatakan) ya (bahawa Allah SWT berilmu dan berkuasa). (al-Ash'ari, 1977: 144-145)

Jika kenyataan al-Ash'ari ini disusun semula dan diringkaskan berdasarkan kaedah mantik, maka bentuk *al-qiyas* yang terhasil dari aspek *al-surah* ialah,

<i>Muqadimah al-sughra</i>	:	Allah SWT berkata-kata
<i>Muqadimah al-kubra</i>	:	Setiap yang berkata-kata adalah berilmu dan berkuasa
<i>al-Natijah</i>	:	Allah SWT berilmu (' <i>ilm</i>) dan berkuasa (<i>qudrat</i>)

Walaupun al-Ash'ari didapati tidak menyatakan secara jelas setiap muqadimah dan juga *al-natijah* dalam susunan kenyataannya itu, namun ia boleh difahami berdasarkan keseluruhan kenyataan tersebut (tidak dinyatakan di sini). Maka bentuk *al-qiyas* ini menunjukkan bahawa al-Ash'ari menggunakan kaedah *al-qiyas al-iqtirani al-hamli*, yang juga dikenali sebagai *al-qiyas al-mutlaq*, yang terbina daripada *al-shakl al-awwal*. al-Ash'ari (1977: 63-65) juga menolak pegangan Mu'tazilah dan Jahmiyyah yang menyatakan bahawa al-Quran adalah makhluk dengan membawakan beberapa dalil al-Quran dan hadis. Walau bagaimanapun, sebagaimana sifat '*ilm* dan *qudrat*, al-Ash'ari turut menggunakan hujah mantik bagi mengisbatkan al-Quran bukan makhluk sebagaimana berikut,

فلو كان القرآن مخلوقا لوجب أن يكون مقولا له: (كن فيكون). ولو كان الله عز وجل قائلا للقول (كن) لكان للقول قولا، وهذا يوجب أحد أمرين، إما أن يؤول الأمر إلى أن قوله تعالى غير مخلوق.

Maksudnya:

Seandainya al-Qur'an adalah makhluk, mesti ia berkata-kata untuknya (menciptakan, iaitu): (*kun fayakun*). Seandainya Allah 'azza wa jalla berkata-kata (mencipta) firman (*kun*) (tersebut), maka setiap kali berkata-kata (perlu kepada) firman, dan ini mesti didahului (kata-kata) yang pertama untuk menjadikannya, dan begitulah seterusnya. (Hal ini mustahil berlaku, kerana) Kalam (Allah) Taala bukan makhluk. (al-Ash'ari 1977: 65)

Jika kenyataan al-Ash'ari tersebut disusun semula dan diringkaskan berdasarkan kaedah mantik, maka bentuk *al-qiyas* yang terhasil dari aspek *al-surah* ialah,

- Muqadimah al-sughra*: Seandainya al-Qur'an adalah makhluk, maka Allah SWT mesti berkata-kata untuk menciptakan firman.
- Muqadimah al-kubra*: Seandainya Allah SWT mesti berkata-kata untuk menciptakan firman, maka setiap kali Allah SWT berkata-kata perlu kepada firman.
- al-Natijah*: Seandainya al-Qur'an adalah makhluk, maka setiap kali Allah SWT berkata-kata perlu kepada firman.

Bentuk *al-qiyas* yang dikemukakan oleh al-Ash'ari ini adalah berasaskan *al-qiyas al-iqtirani al-sharti* yang terbina daripada *al-shakl al-awwal*. Selain daripada isu-isu di atas, al-Ash'ari turut menyentuh persoalan melihat Allah SWT, kehendak dan ketentuan Allah SWT, azab kubur, syafaat dan kepimpinan para khalifah. Semua persoalan ini ditujukan kepada golongan Mu'tazilah dan Jahmiyyah, kecuali beberapa isu sahaja yang ditujukan kepada aliran lain, seperti isu kepimpinan ditujukan kepada Shi'ah dan Khawarij serta isu kehendak dan ketentuan Allah SWT ditujukan kepada Qadariyyah dan Jabariyyah. Dalam *al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida'* pula, al-Ash'ari banyak menggunakan dalil '*aqli*', khususnya pendalilan mantik, berbanding dalil '*naqli*' yang lebih banyak digunakan dalam *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*, walaupun ia kebanyakannya masih ditujukan kepada Mu'tazilah. Justeru, dalam persoalan sifat Allah SWT contohnya, al-Ash'ari mengisbatkan '*alim*' bagi Allah SWT sebagaimana berikut,

لو جاز هذا لجاز أن يكون قولنا: عالم لم يرجع به إلى نفسه ولا إلى معنى ولم يثبت به نفسه ولا معنى يستحيل أن يكون هو نفسه، وإذا لم يجوز هذا بطل ما قالوه. وهذا الدليل يدل على إثبات صفات الله تعالى لذاته كلها: من الحياة، والقدرة، والسمع، والبصر، وسائر صفات الذات.

Maksudnya:

Jika ini (mengingkari bahawa Allah SWT 'Alim bukan dengan zat-Nya) harus, maka harus kita menyatakan bahawa: '*alim*' tidak merujuk kepada diri-Nya (zat-Nya) dan tidak merujuk kepada makna (sifat). Tidak mengisbatkan pada zat-Nya dan tidak (juga) pada makna (sifat) yang mustahil (sifat) adalah zat-Nya. Jika ini tidak harus, maka

terbatal apa yang mereka katakan. Dalil (hujah) ini membuktikan bahawa Allah Taala mempunyai sifat-sifat zat seperti *hayah*, *qudrat*, *sam*’, *baṣar* dan lain-lain sifat zat (al-Ash’ari, 1955: 30-31).

Jika kenyataan al-Ash’ari ini disusun semula dan diringkaskan berdasarkan kaedah mantik, maka bentuk *al-qiyas* yang terhasil dari aspek al-surah ialah:

- Muqadimah al-sughra*: Sekiranya mengingkari Allah SWT itu ‘*alim* bukan dengan zat-Nya adalah harus, maka Allah SWT itu ‘*alim* bukan dengan zat-Nya
Muqadimah al-kubra: Sekiranya Allah SWT itu ‘*alim* bukan dengan zat-Nya, maka terbatal Allah SWT itu ‘*Alim* dengan zat-Nya
al-Natijah: Sekiranya mengingkari Allah SWT itu ‘*alim* bukan dengan zat-Nya adalah harus, maka terbatal Allah SWT itu ‘*alim* dengan zat-Nya

Bentuk *al-qiyas* yang dikemukakan oleh al-Ash’ari ini berasaskan *al-qiyas al-iqtirani al-sharti* yang terbina daripada *al-shakl al-awwal*. Penggunaan hujah mantik dalam *al-Luma’ fi al-Radd ‘ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida’* ini turut disebutkan secara jelas oleh al-Ash’ari pada beberapa tempat. Contohnya dalam mengisbatkan sifat Kalam dan Mutakallim bagi Allah SWT, al-Ash’ari (1955: 36) menyatakan bahawa beliau menggunakan pendalilan mantik berdasarkan kaedah *al-qiyas* bagi menolak fahaman Mu’tazilah yang menafikan sifat *kalam* dan *mutakallim* bagi Allah SWT sebagaimana berikut,

وما يدل من القياس على أن الله تعالى لم يزل متكلماً أنه لو كان لم يزل غير متكلم – وهو ممن لا يستحيل عليه الكلام – لكان موصوفاً بضد الكلام، ولكن ضد الكلام قديماً، ولو كان ضد الكلام قديماً لاستحال أن يعدم وأن يتكلم الباري، لأن القديم لا يجوز عدمه كما لا يجوز حدوثه، فكان يجب أن لا يكون الباري قائلاً ولا آمراً ولا ناهياً على وجه من الوجوه، وهذا فاسد عندنا وعندهم، وإذا فسد هذا صح وثبت أن الباري لم يزل متكلماً قائلاً.

Maksudnya:

Antara yang dapat dibuktikan secara *al-qiyas* adalah, Allah Taala sentiasa bersifat dengan *mutakallim*. Sekiranya (Allah SWT) sentiasa tidak bersifat dengan *mutakallim* - sedang Dia tidak mustahil untuk bersifat *kalam* - maka Dia akan bersifat dengan lawan sifat *kalam*, namun ia berlawanan dengan sifat *kalam* yang *qadim*. Sekiranya (Allah SWT) bersifat dengan lawan sifat *kalam* yang *qadim*, nescaya mustahil ia tiada (binasa), maka (mustahil) Maha Pencipta (Allah SWT) itu berkata-kata. Kerana sesuatu yang *qadim* tidak harus baginya tiada, sepertimana tidak harus baginya baharu. Oleh itu, wajib tidak berkata-kata bagi Maha Pencipta (Allah SWT), tidak boleh menyuruh dan melarang dalam apa jua bentuk sekalipun. Dan hal ini rosak (salah) di sisi pandangan kita dan mereka. Apabila dakwaan ini salah, maka sabitlah bahawa Maha Pencipta (Allah SWT) sentiasa *mutakallim* dalam berkata-kata (al-Ash’ari 1955: 36)

Jika kenyataan al-Ash’ari tersebut disusun semula dan diringkaskan berdasarkan kaedah mantik, maka dua bentuk *al-qiyas* akan terhasil dari aspek al-surah iaitu,

- Muqadimah al-sughra*: Sekiranya Allah SWT tidak bersifat *mutakallim*, maka Dia akan bersifat dengan lawan sifat *kalam*
- Muqadimah al-kubra*: Sekiranya Allah SWT bersifat dengan lawan sifat *kalam*, maka Allah SWT bersifat dengan lawan sifat *kalam* yang *qadim*
- al-Natijah*: Sekiranya Allah SWT tidak bersifat *MUTAKALLIM*, maka Allah SWT bersifat dengan lawan sifat *kalam* yang *qadim*
- Muqadimah al-sughra*: Sekiranya Allah SWT bersifat dengan lawan sifat *kalam* yang *qadim*, nescaya mustahil sifat *bukm* tidak binasa
- Muqadimah al-kubra*: Sekiranya mustahil sifat *Bukm* tidak binasa, maka wajib Allah SWT tidak berkata-kata
- al-Natijah*: Sekiranya Allah SWT bersifat dengan lawan sifat *kalam* yang *qadim*, maka wajib Allah SWT tidak berkata-kata

Bentuk *al-qiyas* yang dikemukakan oleh al-Ash'ari ini adalah berasaskan *al-qiyas al-iqtirani al-sharti* yang terbina daripada *al-shakl al-awwal*. Sebagaimana *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah* juga, kebanyakan perbahasan dalam *al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida'* ditujukan khusus kepada Mu'tazilah. Hanya beberapa topik sahaja ditujukan kepada aliran menyeleweng yang lain seperti Mushabbihah atau Mujassimah dalam menolak pegangan mereka yang menyatakan bahawa Allah SWT sama atau serupa dengan makhluk (al-Ash'ari 1955: 19-20). Begitu juga dalam Risalah ila Ahl al-Thaghr, selain daripada dalil al-Qur'an dan hadis serta ijmak, al-Ash'ari dilihat turut menggunakan hujah mantik ketika menolak kepincangan pemikiran golongan ateis yang menafikan kewujudan Allah SWT. Dalam hal ini, al-Ash'ari menyatakan bahawa,

كل متغير لا يكون قديماً، وذلك أن تغيره يقتضي مفارقة حال كان عليها قبل تغيره وكونه قديماً
ينفي تلك الحال، فإذا حصل متغيراً بما ذكرناه من الهيئات التي لم يكن قبل تغيره عليها (دل ذلك
على حدوثها، وحدوث الهيئة التي كان عليها قبل حدوثها)، إذ لو كانت قديمة لما جاز عدمها،
وذلك أن (القديم) لا يجوز عدمه.

Maksudnya:

Setiap yang berubah-ubah (menerima perubahan) tidak bersifat qadim. Hal ini kerana (setiap) perubahan yang berlaku (menyebabkan) terpisahnya dengan keadaan sebelum berlakunya perubahan, (yang mana) sesuatu perkara yang bersifat qadim menafikan perubahan tersebut. Maka apabila (berlaku) perubahan, sepertimana yang kita jelaskan keadaan-keadaan sebelum berlakunya perubahan tersebut ke atasnya, ini (membuktikan yang demikian itu adalah baharu, dan keadaan-keadaan yang baharu itu (berlaku) ke atasnya sebelum diciptakannya). Sekiranya ia bersifat qadim, maka tidak harus ke atasnya tiada, begitu juga (qadim) tidak harus tiada (al-Ash'ari 2002: 144).

Jika kenyataan al-Ash'ari tersebut disusun semula dan diringkaskan berdasarkan kaedah mantik, maka dua bentuk *al-qiyas* akan terhasil dari aspek *al-surah* iaitu,

Muqadimah al-sughra : Setiap yang berubah-ubah baharu
Muqadimah al-kubra : Setiap yang baharu makhluk
al-Natijah : Setiap yang berubah-ubah makhluk

Muqadimah al-sughra : Setiap yang *qadim* wajib wujud
Muqadimah al-kubra : Setiap yang wajib wujud tidak harus tiada
al-Natijah : Setiap yang *qadim* tidak harus tiada

Walaupun al-Ash'ari tidak menyebutkan secara jelas *muqadimah al-kubra* dalam kenyataannya, namun difahami bahawa kedua-dua *al-qiyas* di atas adalah *al-qiyas al-iqtirani al-hamli* yang terbina daripada *al-shakl al-awwal*. Manakala dari aspek *al-maddah* pula, berdasarkan enam *madarik al-yaqin* iaitu *al-hissiyyat*, *al-'aqliyyat*, *al-mutawatir*, *al-asl mathbita bi qiyas akhr*, *al-sam'iyat* dan *al-asl ma'khwaza min ma'taqadat* (al-Ghazali 1994: 38-40), al-Ash'ari didapati banyak menggunakan *al-'aqliyyat*, *al-mutawatir*, *al-asl mathbita bi qiyas akhr* dan *al-sam'iyat* dalam pendalilan mantiknya. Dua lagi *madarik al-yaqin* agak kurang digunakan. Hal ini menunjukkan bahawa dalil '*aqli*' turut menjadi sumber pendalilan yang penting bagi al-Ash'ari selain daripada al-Qur'an dan hadis. Justeru, berdasarkan karya *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah* dan *al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida'*, al-Ash'ari banyak memfokuskan kepada ideologi Mu'tazilah memandangkan aliran ini merupakan ancaman terbesar kepada umat Islam pada ketika itu. al-Ash'ari juga didapati menggunakan dua bentuk pendalilan dalam berhujah dengan aliran atau ideologi bertentangan, iaitu dalil *naqli* dan dalil '*aqli*'. Bezanya cuma karya *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah* lebih banyak menggunakan dalil *naqli* berbanding dalil '*aqli*', sedangkan karya *al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida'* lebih banyak menggunakan dalil '*aqli*' berbanding dalil *naqli*.

PENDALILAN '*AQLI*' DALAM AKIDAH MENURUT AL-ASH'ARI

Sebagaimana dijelaskan, metode pendalilan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah aliran Asha'irah yang dirangka oleh al-Ash'ari adalah bersandarkan kepada dalil *naqli* dan dalil '*aqli*'. Dalil *naqli* merujuk kepada al-Qur'an dan hadis, manakala dalil '*aqli*' pula merujuk kepada hujah logik akal yang memberikan keyakinan (al-Ghazali t.th.: 244). Dalil *naqli* banyak digunakan oleh al-Ash'ari dalam karya *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah* dan juga dua karya lain iaitu *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin* dan *Risalah ila Ahl al-Thaghr*. Manakala dalil '*aqli*' pula banyak digunakan dalam karya *al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida'* dan juga *Risalah fi al-Istihsan al-Khawd fi 'Ilm al-Kalam*. Dalam *Risalah fi al-Istihsan al-Khawd fi 'Ilm al-Kalam*, al-Ash'ari (1995: 47-48) menyatakan bahawa terdapat segolongan manusia yang menjadikan kejahilan sebagai asas pemikiran sehingga mereka tidak berusaha untuk berfikir dan menganalisis persoalan agama. Mereka lebih cenderung kepada bertaklid lantas mengkritik sesiapa sahaja yang menggunakan pemikiran untuk berinteraksi dengan agama dan menganggap perbuatan itu adalah menyeleweng. al-Ash'ari turut menjelaskan bahawa masalah agama hendaklah dikembalikan kepada dasar-dasar agama iaitu wahyu, manakala masalah akal dan deria hendaklah dikembalikan kepada sumber asalnya.

Gabungan kedua-dua metode ini menunjukkan bahawa al-Ash'ari telah meletakkan dalil *naqli* sebagai asas paling utama dalam penghujahan mengenai akidah Islam, manakala dalil '*aqli*' sebagai penyokong dan pelengkap kepada dalil *naqli*. Namun polemik yang timbul di sini adalah berkaitan pendalilan '*aqli*' kerana terdapat pendapat daripada Ibn Taymiyyah (m.728H) serta pendokongnya yang menyatakan bahawa al-Ash'ari menolak dalil '*aqli*' pada penghujung usianya (peringkat ketiga). Bagi mereka, al-Ash'ari telah melalui tiga peringkat dalam kematangan pemikiran beliau sepertimana berikut,

1. Peringkat pertama, al-Ash'ari berada dalam Mu'tazilah sehingga berusia 40 tahun.
2. Peringkat kedua, al-Ash'ari keluar daripada Mu'tazilah untuk mengikut pegangan Ibn Kullab (m. 240H).
3. Peringkat ketiga, al-Ash'ari meninggalkan Ibn Kullab untuk kembali kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah dengan mengarang karyanya *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*. Oleh itu, mereka mendakwa bahawa para pengikut Asha'irah sekarang merupakan pengikut Ibn Kullab dan bukan pengikut sebenar al-Ash'ari dan Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Bagi Ibn Taymiyyah, pegangan al-Ash'ari pada peringkat ketiga adalah sama dengan pegangan kumpulan mereka terutamanya dalam menolak dalil 'aqli dan tidak melakukan takwilan terhadap nas-nas sifat mutashabihat (al-Mahmud 1995: 337-339).

Persoalan ini perlu dijelaskan memandangkan pendalilan 'aqli merupakan antara metode terpenting yang digunakan oleh al-Ash'ari dalam mendepani pelbagai aliran dan fahaman menyeleweng. Ringkasnya, tidak terdapat fakta ilmiah yang menunjukkan bahawa al-Ash'ari melalui tiga peringkat pemikiran sebagaimana dakwaan tersebut. Apa yang dilaporkan oleh para sejarawan dan tokoh Asha'irah, al-Ash'ari hanya melalui dua peringkat pemikiran sahaja, iaitu Mu'tazilah dan kemudiannya Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sehingga penghujung usianya. Malah mengikut kajian, *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah* merupakan karya terawal al-Ash'ari selepas beliau meninggalkan Mu'tazilah, manakala *al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida'* pula adalah karya terakhirnya (Muhammad Rashidi dan Syed Hadzrullathfi 2013: 58-70). Semua fakta ini membuktikan bahawa pandangan mereka tidak mempunyai asas yang kukuh untuk menolak metode ulama Asha'irah yang menerima dalil 'aqli sebagai salah satu pendalilan dalam akidah. Bahkan berdasarkan penjelasan dalam topik di atas, dakwaan ini sepatutnya tidak berlaku memandangkan kedua-dua karya, sama ada *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah* atau *al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida'*, didapati turut menggunakan hujah mantik dalam membahaskan persoalan akidah.

Dalam hal ini, kedudukan akal dalam pendalilan akidah merupakan perkara yang disepakati penggunaannya oleh majoriti ulama Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah (Muhammad Rashidi dan Mohd Faizul 2013: 31-39). Menurut al-Zuhayli (2009, 1: 106), penelitian beliau mendapati bahawa terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan al-Ash'ari menerima akal sebagai salah satu metode pendalilan dalam akidah, iaitu,

1. Pertama: al-Ash'ari pada asalnya berfahaman Mu'tazilah yang mengutamakan akal berbanding nas-nas al-Qur'an dan hadis, maka sudah tentu beliau sangat pakar dalam penggunaan dalil 'aqli. Beliau mendapati Mu'tazilah dan aliran-aliran lain sering menggunakan permainan akal untuk mendatangkan keraguan dan menyebarkan akidah menyeleweng kepada umat Islam.
2. Kedua: al-Ash'ari dan ulama Asha'irah antara kumpulan yang bersungguh-sungguh dalam mempertahankan dan menghadapi golongan bidaah serta ateis. Kebanyakan golongan tersebut tidak berminat dengan penghujahan dalil *naqli* semata-mata, bahkan mereka lebih cenderung kepada penjelasan dalil 'aqli.
3. Ketiga: al-Ash'ari bangun menentang penyelewengan melampau Mu'tazilah setelah beliau kembali kepada Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Beliau terpaksa menggunakan semula pendekatan hujah akal Mu'tazilah, di samping mendatangkan dalil *naqli* sebagai mengukuhkan lagi dalil 'aqli yang digunakan terhadap Mu'tazilah.

Ini bermaksud, penggunaan dalil 'aqli menurut al-Ash'ari (1995: 47-48), sebagaimana difahami daripada karya *Risalah fi al-Istihsan al-Khawd fi 'Ilm al-Kalam*, bertujuan untuk mengukuhkan dalil *naqli* berasaskan hujah mantik dan bukti-bukti alam semesta sehingga membawa kepada keimanan

kepada Allah SWT. al-Ash'ari juga didapati berpendapat bahawa kesepaduan di antara dalil *naqli* dan dalil *'aqli* akan lebih memudahkan umat Islam memahami akidah. Ia juga dapat menjadikan proses dakwah kepada masyarakat bukan Islam semakin bertambah menyakinkan. Malah beberapa tokoh Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah sebelum al-Ash'ari didapati telah menulis tentang peranan akal, seperti yang ditulis oleh al-Harith al-Muhasibi (m.243H) melalui karyanya *Ma'iyat al-'Aql* dan Ibn Abi al-Dunya (m.281H) melalui karyanya *al-'Aql wa Fadilah*. Namun al-Ash'ari dianggap tokoh pertama yang mempelopori metode pendalilan *'aqli* melalui aplikasi hujah mantik dalam perbahasan akidah secara meluas bagi mempertahankan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah. Metodologi al-Ash'ari ini kemudiannya terus digunakan, diuraikan dan disebarkan secara meluas oleh para ulama Asha'irah sehingga kini. Disebabkan itu, dalam *mabadi' al-'asharah* bagi ilmu akidah, nama al-Ash'ari diletakkan sebagai pengasas ilmu akidah, iaitu orang yang mula-mula menyusun ilmu akidah dengan kaedah sistematik berasaskan metodologi pendalilan *naqli* dan *'aqli* (al-Bayjuri 2001: 18).

KESIMPULAN

Ketokohan al-Ash'ari sebagai ulama terkemuka dalam Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah merupakan perkara yang diakui oleh seluruh umat Islam. al-Ash'ari berjaya mempertahankan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah daripada serangan pelbagai aliran dan fahaman yang menyeleweng, khususnya Mu'tazilah. al-Ash'ari membentuk metodologi pendalilan tersendiri dalam perbahasan akidah berdasarkan dalil *naqli* dan dalil *'aqli*. Berkenaan dalil *naqli*, al-Ash'ari bertindak mengemukakan dalil serta tafsiran yang tepat terhadap setiap persoalan akidah. Berkenaan dalil *'aqli* pula, al-Ash'ari menggunakan kaedah mantik yang benar sama ada dari aspek *al-surah* dan *al-maddah* sebagai hujah balas terhadap aliran menyeleweng. Metode yang dikemukakan ini bersifat tidak terlalu literal dalam memahami dalil *naqli* sepertimana Mushabbihah atau Mujassimah dan Hashawiyyah, dan tidak juga terlalu bebas menggunakan akal sepertimana Mu'tazilah. Malah al-Ash'ari dalam hal ini akan mengutamakan dalil *naqli* daripada dalil *'aqli*, kerana al-Qur'an dan hadis merupakan sumber paling berwibawa dan muktamad berbanding dalil *'aqli*. Kekuatan metode pendalilan Asha'irah yang dikemukakan oleh al-Ash'ari ini menyebabkan akidah Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah terus dipelihara sehingga kini, bahkan dilihat mampu berhadapan dengan pelbagai ancaman pemikiran moden yang menyeleweng seperti sekularisme, liberalisme, ateisme dan sebagainya lagi.

RUJUKAN

- A'lawi, Sayyid 'Abd al-Rahman ibn Muhammad ibn Husayn ibn 'Umar. 1978. *Bughyat al-Mustarshidin*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
- Abdul Shukor Husin. 1998. *Ahli Sunah Waljamaah: Pemahaman Semula*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abu Dawud, Sulayman ibn al-Ash'ath. 1998. *Sunan Abi Dawud*. Tahqiq 'Awwamat, Muhammad. Bayrut: Mu'assasat al-Riyad.
- Abu Zahrat, Muhammad. 1996. *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- al-Ash'ari, Abu al-Hasan 'Ali ibn Isma'il. 1955. *al-Luma' fi al-Radd 'ala Ahl al-Zaygh wa al-Bida'*. Tahqiq Gharabat, Hamudat. Misr: Matbu'at Misriyyah.
- al-Ash'ari, Abu al-Hasan 'Ali ibn Isma'il. 1977. *al-Ibanah 'an Usul al-Diyanah*. Tahqiq Mahmud, Fawqiyat Husayn. Misr: Dar al-Ansar.
- al-Ash'ari, Abu al-Hasan 'Ali ibn Isma'il. 1990. *Maqalat al-Islamiyyin wa Ikhtilaf al-Musallin*. Tahqiq 'Abd al-Hamid, Muhammad Muhy al-Din. Bayrut: Maktabah al-'Asriyyah.
- al-Ash'ari, Abu al-Hasan 'Ali ibn Isma'il. 1995. *Risalat fi al-Istihsan al-Khawd fi 'Ilm al-Kalam*. Tahqiq al-Wali, Muhammad al-Ash'ari al-Qadiri al-Rifa'i. Bayrut: Dar al-Mashari'.

- al-Ash'ari, Abu al-Hasan 'Ali ibn Isma'il. 2002. *Risalat ila Ahl al-Thaghr*. Tahqiq. al-Junaidi, 'Abd Allah Shakir Muhammad. Madinat al-Munawwarah: Maktabat al-'Ulum wa al-Hikam.
- al-Asnawi, 'Abd al-Rahim Jamal al-Din. 1987. *Tabaqat al-Shafi'iyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Baghdadi, Abu Mansur 'Abd al-Qahir ibn Tahir ibn Muhammad. t.th. *al-Farq bayn al-Firaq*. Tahqiq 'Abd al-Hamid, Muhammad Muhyi al-Din. al-Qahirah: Dar al-Tala'i.
- al-Bayjuri, Ibrahim ibn Muhammad ibn Ahmad. 2001. *Tuhfat al-Murid Sharh Jawharat al-Tawhid*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Fayyumi, Muhammad Ibrahim. 2003. *Shaykh Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: al-Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari*. al-Qahirah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1994. *al-Iqtisad fi al-I'tiqad*. Tahqiq al-Jabr, Muwaffaq Fawzi. Damshiq: al-Hikmah.
- al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. t.th. al-Risalah al-laduniyyah. Dlm. *Majmu'at Rasa'il al-Imam al-Ghazali*. Tahqiq Muhammad, Ibrahim Amin. al-Qahirah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- al-Hasani, Muhammad 'Alawi al-Maliki. t.th. *Mafahim Yajibu 'an Tusahhih*. al-Qahirah: Dar Jawami' al-Kalim.
- Ibn 'Asakir, Abu al-Qasim 'Ali ibn al-Hasan ibn Hibah Allah. 1347H. *Tabyin Kadhib al-Muftari fi ma Nusiba ila al-Imam Abu al-Hasan al-Ash'ari*. Dimashq: t.pt.
- Ibn al-Athir, Majd al-Din Abu al-Sa'adat al-Mubarak ibn Muhammad al-Jazari. 1963. *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Tahqiq al-Tanahi, Mahmud Muhammad & al-Zawi, Tahir Ahmad. t.tp.: al-Maktabah al-Islamiyyah.
- Jum'ah, 'Ali. 2009. *al-Bayan lima Yashghal al-Azhan: Fatawa Shafiyat Qadaya 'Ajilah*. al-Qadira: al-Muqatam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Mahdali, al-Sayyid Muhammad 'Aqil ibn 'Ali. t.th. *Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah: Madkhal wa Dirasat*. al-Qahirah: Dar al-Hadith.
- al-Mahmud, 'Abd al-Rahman ibn Salih ibn Salih. 1995. *Mawqif Ibn Taymiyyah min al-Asha'irah*. Riyad: Maktabah al-Rushd.
- Muhammad Rashidi Wahab & Mohd Faizul Azmi. 2013. Kedudukan akal dalam pendalilan akidah. *Jurnal Teknologi* 63(1): 31-39.
- Muhammad Rashidi Wahab & Syed Hadzrullathfi Syed Omar. 2012. Takwilan nas-nas sifat mutashabihat dalam kalangan salaf. *Global Journal al-Thaqafah* 2(2): 77-85.
- Muhammad Rashidi Wahab & Syed Hadzrullathfi Syed Omar. 2013. Peringkat pemikiran Imam al-Ash'ari dalam akidah. *International Journal of Islamic Thought* 3: 58-70.
- Muhammad Rashidi Wahab & Syed Hadzrullathfi Syed Omar. 2014. Persoalan mutashabihat mengenai istiwa'. *Jurnal Usuluddin* 39.
- Musa, Jalal Muhammad. 1982. *Nasha'at al-Ash'ariyyah wa Tatawuruha*. Bayrut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- al-Qaradawi, Yusuf. t.th. La fatwa li shaltut bi al-ta'bud 'ala al-Ja'fari. *Qaradai.net*. <http://www.qaradawi.net/news/537.html>.
- al-Razi, Fakh al-Din Muhammad ibn 'Umar ibn al-Husayn. 1981. *al-Tafsir al-Kabir*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- al-Saffarini, Muhammad ibn Ahmad ibn Salim. 2008. *Lawami' al-Anwar al-Bahiyyah*. Tahqiq Sa'id, Abu 'Abd al-Rahman 'Adl. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Shak'ah, Mustafa Muhammad. 2006. *Islam bila Madhahib*. al-Qahirah: Dar al-Misriyyah al-Lubnaniyyah.
- al-Shatibi, Abu Ishaq Ibrahim ibn Musa. t.th. *al-I'tisam*. Tahqiq Sulayman, Abu 'Ubaydah Mashhur ibn Hasan Ala. t.tp.: Maktabat al-Tawhid.

- Subhi, Ahmad Mahmud. 1985. *Fi 'Ilm al-Kalam: al-Asha'irah*. Bayrut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyyah.
- al-Subki, Taqiy al-Din Abu Nasr 'Abd al-Wahab ibn 'Ali ibn 'Abd al-Kafi. 1964. *Tabaqat al-Shafi'iyyah al-Kubra*. Tahqiq al-Tanahi, Mahmud Muhammad & al-Hilw, 'Abd al-Fatah. t.tp.: Dar Ihya' al-Kitab al-'Arabiyyah.
- al-Suyuti, Jalal al-Din. 1410H. *al-Tanbi'at bi man Yab'athuh Allah 'ala Ra's Kull Ma'ah*. Tahqiq Shanuhah, 'Abd al-Hamid. Makkah: Dar al-Thaqah.
- The Royal Islamic Strategic Studies Centre. 2010. *The 500 Most Influential Muslims in the World 2010*. Georgetown: Georgetown University.
- al-Tirmidhi, Abu 'Isa Muhammad ibn 'Isa. 1978. *al-Jami' al-Sahih wa Huwa Sunan al-Tirmizi*. Tahqiq 'Awd, Ibrahim 'Atwat. al-Qahirah: Maktabat Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Zabidi, al-Sayyid Muhammad ibn Muhammad al-Husayni. 1989. *Ithaf al-Sadah al-Muttaqin*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zirikli, Khayr al-Din. 2002. *al-A'lam: Qamus al-Tarajim*. Bayrut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.
- al-Zuhayli, Muhammad. 2009. *Mawsu'at Qadaya Islamiyyat Mu'asarah*. Dimshq: Dar al-Maktabi.